

04/11/1998

RM122 juta bagi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia

Hizral Tazzif Hisham

KERAJAAN menubuhkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dan melantik Dr Syed Hussein Mohamed sebagai pengerusi pertamanya serta menukar nama Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos kepada Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika mengumumkan nama baru kementerian dan penubuhan suruhanjaya itu berkata, kerajaan mengekalkan Datuk Leo Moggie sebagai menteri untuk kementerian baru itu.

"Kerajaan bersetuju memperuntukkan geran pelancaran sebanyak RM122 juta kepada suruhanjaya berkenaan," katanya dalam sidang akhbar di Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, minggu lalu.

Turut hadir Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed Rahmat, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali dan Leo Moggie.

Perdana Menteri berkata, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, mempunyai kuasa kawal selia tunggal dalam industri telekomunikasi, penyiaran dan komputer.

Suruhanjaya itu akan mula melaksanakan tugasnya apabila akta berkenaan mula berkuatkuasa pada 1 April tahun depan.

Dr Syed Hussein, 59, memperolehi doktor falsafah dalam Kejuruteraan Kualiti dari Universiti Birmingham, memulakan kerjaya di Jabatan Telekom Malaysia sebagai Penolong Kawalan sebelum dilantik sebagai ahli lembaga pengarah.

Dr Mahathir berkata, kementerian baru akan mewujudkan satu struktur organisasi untuk mengurus fungsi baru komunikasi dan multimedia dengan mengadakan tafsiran, objektif dan strategi jangka panjang untuk pembangunan industri komunikasi dan multimedia.

"Kementerian berkenaan akan mengambil alih semua fungsi berkaitan dasar dan kawal selia dalam bidang penyiaran yang dipegang Kementerian Penerangan sebelum ini," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, Kementerian Penerangan akan terus bertanggungjawab terhadap penggubalan dan pelaksanaan dasar berhubung penyebaran secara sistematik dan berkesan maklumat kerajaan.

Menurut Dr Mahathir, Kementerian Penerangan akan terus bertanggungjawab terhadap pembangunan dasar dan pelaksanaan penyebaran penerangan kerajaan.

"Kementerian Penerangan juga bertanggungjawab terhadap pengurusan dan operasi Radio dan Televisyen Malaysia (RTM)," katanya.

Penubuhan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia serta penamaan semula Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia adalah selaras dengan Akta Komunikasi dan Multimedia serta Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia yang diluluskan Parlimen ketika bersidang Julai lalu.

Akta Komunikasi dan Multimedia yang diluluskan itu menggantikan undang-undang sedia ada iaitu Akta Telekomunikasi 1950 dan Akta Penyiaran 1988 bagi menyesuaikan dengan penyatuan antara teknologi komunikasi dan penyiaran serta menyokong penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Akta berkenaan merangkumi komunikasi menggunakan media elektronik seperti penyiaran, telekomunikasi, perkhidmatan dalam talian (online) dan kandungan yang dibekalkan melalui Internet.

Perdana Menteri berkata, fungsi pengawalseliaan Jabatan Pos yang sedia akan dirangkum dalam fungsi suruhanjaya bersama-sama pelaksanaan Akta Tandatangani Digital 1997.

Bagaimanapun, berikutan Akta Pos perlu dipinda terlebih dahulu, pengambilan fungsi itu akan dilaksanakan kemudian.

(END)